



AMANAT TAHUN BAHARU 2023

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS
SARA HIDUP**

“MENDEPANI CABARAN INFLASI DAN KOS SARA HIDUP”

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
KOS SARA HIDUP
JANUARI 2023**

10 JANUARI 2023

Assalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof
Ketua Setiausaha KPDN

Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin
Yang Berbahagia Datin Roszanina binti Wahab
Timbalan – Timbalan Ketua Setiausaha KPDN

Pengarah Kanan, Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Agensi dan
Pegawai-pegawai Kanan dan pegawai-pegawai KPDN seluruh negara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berhimpun bersama-sama dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 pada pagi ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 kepada seluruh warga kerja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di dewan ini dan pegawai-pegawai di Pejabat KPDN Negeri seluruh negara melalui zoom.

2. Saya mengajak semua warga KPDN bersama saya untuk memulakan tahun baharu 2023 ini dengan penuh semangat, azam serta iltizam yang tinggi. Kecekalan anda semua dalam mengharungi cabaran sepanjang tahun 2022 yang lalu diharap dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih dan istiqomah demi rakyat dan negara.

3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan YB Dato' Rosol Wahid, mantan Menteri dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas jasa dan pimpinan beliau dalam menerajui Kementerian ini.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Hala-tuju dan pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri telah memberikan prioriti yang utama kepada kemaslahatan rakyat dan itu telah dimanifestasikan melalui fungsi

Kementerian ini dengan nama baharu iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup atau akronimnya “**KPDN**”. Ini bertepatan dengan peranan utama Kementerian dalam mencorak ekosistem perdagangan domestik yang berdaya saing, progresif dan mampan yang memberi sumbangan yang signifikan kepada KDNK negara serta pada masa yang sama memastikan kesejahteraan para pengguna di negara kita terutamanya dalam menstabilkan kos sara hidup.

5. Perlu difahami bahawa komponen utama Kos Sara Hidup bukan hanya berkenaan kos makanan dan minuman, tetapi meliputi kos perumahan, utiliti, pengangkutan, pendidikan dan kesihatan yang mana semua itu adalah di bawah seliaan kementerian dan agensi lain. Justeru itu, kita tidak boleh bergerak solo dalam silo tetapi menuntut kita berkolaborasi dengan kementerian-kementerian dan agensi lain dalam mencari solusi dan melaksanakan inisiatif untuk menangani kos sara hidup.

6. Setakat ini KPDN yang menjadi sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah menganjurkan beberap siri mesyuarat yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Ini diikuti dengan mesyuarat bersama Kementerian Ekonomi di mana Sekretariat tetap antara dua kementerian akan diwujudkan. Beberapa siri libat urus dengan pemain industri seperti pengeluar minyak masak, penternak ayam dan telur dan sektor peruncitan juga telah kita adakan. Saya yakin kita berada di landasan yang betul dan kukuh, dan meminta semua rakyat menyokong dan berdoa untuk kejayaan demi negara dan rakyat.

7. Saya yakin KPDN akan menjadi Kementerian Rahmah ibarat seperti sebuah rumah yang saya istilahkan sebagai RUMAH RAHMAH

atau RUMAH KASIH SAYANG yang mana ahli keluarganya menjadi pencetus dan penggerak serta penghubung dengan ahli keluarga kementerian lain dalam menggerakkan segala inisiatif yang bersifat RAHMAH untuk membantu rakyat dalam meringankan beban kos sara hidup.

وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ ۚ

Dan Rahmah Ku meliputi segala sesuatu (Al-Aaraf: 156)

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Dan tidak aku utuskan engkau, kecuali untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam (Al-Anbiya:107)

Saya akan memperincikan tentang RAHMAH satu persatu sebentar lagi.

IMBASAN PENCAPAIAN TAHUN 2022

Warga KPDN yang saya hormati,

8. Sepanjang tahun 2022, kita telah diuji dengan pelbagai cabaran, bermula dengan cabaran memulihkan kehidupan dan ekonomi di fasa endemik COVID-19, kemudian perubahan politik dan pentadbiran kerajaan pasca PRU15, diikuti dengan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Alhamdulillah, KPDN tetap teguh dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang secara tidak langsung memberi impak positif kepada masyarakat, termasuk peniaga dan pengguna. (Syabas untuk kita semua). Saya rekodkan secara ringkas di sini:

- i. **Bahagian Penguat kuasa telah melaksanakan tugas dengan pencapaian yang membanggakan.** Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak **825 087** premis perniagaan telah diperiksa di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut sebanyak **10,869 kertas siasatan** telah dibuka atas pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan sebanyak **RM 113.330 juta**. Bagi tempoh yang sama **9,279 kes** telah di kompaun dengan nilai kompaun sebanyak **RM 7.96 juta** manakala **53 kes** telah dihadapkan di mahkamah dan telah dikenakan denda sebanyak **RM 439,330.00**. Sementara itu, sebanyak **29,130 aduan** telah diterima dan kesemua aduan tersebut telah disiasat dan berjaya diselesaikan.

- ii. Berbagai operasi telah dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasa di seluruh negara seperti **OPS SAMAR** (tidak memakai uniform), **OPS ATM** (Ayam, Telur dan Minyak Masak), **OPS TIRU**, **OPS SUCI**, **OPS BLING**, **OPS KREDIT**, **OPS CATUT**, **OPS SURI**, **OPS MENU** dan yang terakhir saya telah memperkenalkan **OPS TERJAH** yang akan berakhir pada 15 Januari 2023. Kita juga telah melaksanakan **OPS SEPADU bersama semua agensi-agensi penguatkuasa utama negara** termasuk Jabatan Kastam, PDRM, ATM dan PGA bagi membanteras aktiviti penyeludupan barang kawalan menggunakan sempadan darat dan laut. Sejumlah **615 kes** serahan agensi yang melibatkan barang kawalan telah dihasilkan dengan rampasan bernilai **RM78.4 juta**.

- iii. Pelaksanaan **Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM)** di semua 222 kawasan Parlimen juga merupakan inisiatif yang

membanggakan dan berjaya membantu rakyat yang telah dilaksanakan di 2,000 lokasi melibatkan 3.4juta rakyat dengan jualan mencecah RM62.5juta. PJKM dengan peruntukan RM100 juta telah terbukti dapat membantu rakyat dalam mengurangkan tekanan kos sara hidup melalui tawaran harga barangan sehingga 20% lebih murah dari harga pasaran setempat.

- iv. **Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* atau Program Penyeragaman Harga** telah memberi manfaat yang besar kepada penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman dengan membolehkan mereka membeli barang keperluan asas seperti beras, gula, tepung gandum, minyak masak, LPG dan *Community Drumming* (petrol dan diesel) pada harga yang ditetapkan seperti mana di bandar di mana Kerajaan menanggung kos pengangkutan dan transporter.
- v. KPDM turut serta dalam arus **teknologi digital** sejajar dengan IR4.0 melalui **Inisiatif Pendigitalan Sektor Runcit (REDI)** di mana sepanjang tahun 2022 sebanyak 6,097 peniaga telah berdaftar dengan e-wallet termasuk di kawasan luar bandar. Digitalisasi dalam aspek kepenggunaan pula telah diperhebat melalui penggunaan aplikasi **My Sales Tracker** dan **Price Catcher**.
- vi. **Franchise International Malaysia (FIM) 2022** pula telah berjaya mengumpul sebahagian besar pemain utama dalam sektor francais dari seluruh dunia dalam menjadikan francais

sebagai strategi utama dalam membangunkan keusahawanan di Malaysia terutamanya dalam sektor peruncitan dan perkhidmatan.

- vii. Di samping itu, dalam usaha merakyatkan KPDN dan memperkasakan pengguna di Malaysia, **Program Advokasi Kepenggunaan telah dilaksanakan di semua platform konvensional, elektronik, digital dan media baharu** menggunakan semua strategi penyampaian termasuk artikel, poster, video, tiktok di saluran ***Facebook, Instagram, Twitter dan YouTube***.
- viii. Sepanjang tahun 2022, **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)** telah mengendalikan sebanyak 10,525 kes. TTPM juga telah meningkatkan bilangan perbicaraan hampir 200% berbanding purata tahun sebelumnya.
- ix. **SSM** telah melaksanakan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat dan pengarah syarikat yang layak telah mendapat pengurangan sehingga sembilan puluh peratus (90%) dari nilai asal kompaun bagi semua kompaun yang telah ditawarkan di bawah Akta ini. Inisiatif ini telah membantu memberikan lebih masa bagi syarikat untuk mengambil tindakan bagi mematuhi perundangan serta meringankan beban kewangan syarikat-syarikat ke arah pemulihan ekonomi negara.
- x. **MYIPO** telah menerima dan memproses sejumlah 7,542 untuk paten, 50,497 untuk cap dagangan, 1,656 untuk

rekabentuk perindustrian dan 4 untuk petunjuk geografi. Di samping itu sejumlah 6,571 notifikasi pemberitahuan secara sukarela hak cipta telah diterima dalam tahun 2022.

- xi. **MYIPO** juga telah menyertai Triti Budapest dan Triti Marrakesh yang ditadbir oleh Pertubuhan Harta Intelek Dunia di mana Triti Budapest akan membolehkan pengiktirafan simpanan mikroorganisma.
- xii. MyCC telah berjaya memuktamadkan siasatan dan mengeluarkan keputusan cadangan terhadap lima (5) pengeluar makanan ayam yang menjadi salah satu punca kepada isu bekalan dan kenaikan harga ayam di pasaran.
- xiii. MyCC setakat ini telah banyak menyelesaikan kes kartel dan monopoli serta telah mengenakan penalti kewangan lebih dari RM 175 juta.

9. Saya mengucapkan sekalung tahniah kepada seluruh pengurusan Kementerian di bawah kepimpinan YBhg. Datuk KSU atas pencapaian yang membanggakan dan saya berharap kita dapat beristiqamah dalam meneruskan tradisi kecemerlangan ini. Mana yang baik kita teruskan di samping kita menambah-baik sistem penyampiannya. Mana yang kurang baik dan kurang efektif, kita kaji semula dan mencadangkan satu yang lebih baik mempelajari dari kelemahan masa lalu. Itulah sikap saya dalam menerajui Kementerian ini.

MENDEPANI CABARAN INFLASI DAN KOS SARA HIDUP 2023

Para Hadirin Yang dihormati,

10. Impak dari Covid 19 masih terasa terutamanya dari segi ekonomi negara dan kos sara hidup rakyat. Unjuran Bank Dunia, IMF dan ramai pakar ekonomi dunia menjangkakan keadaan ekonomi akan lebih buruk di tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Justeru ***Business NOT As Usual***, kita harus mencari solusi yang lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan ekonomi negara cepat dipulihkan dan kembali berdaya maju dan berdaya saing yang memberikan manfaatnya kepada rakyat dari sudut bekalan yang mencukupi dan harga barang yang munasabah/adil atau *FAIR PRICE*.

11. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan termasuk 6 tunggak asas perbelanjaan isi rumah merupakan isu utama kini. Cabaran utama kerajaan adalah untuk memenuhi ekspektasi rakyat dalam menstabilkan kos sara hidup pada kadar yang munasabah/adil atau *FAIR PRICE*. Saya ulang beberapa kali istilah FAIR PRICE kerana saya mahu kita semua tahu kos operasi dalam pengeluaran serta pengangkutan telah meningkat dan ini memberi kesan kepada harga barangan keseluruhannya. **Pengguna hendak harga murah dan pengeluar pula terpaksa menaikkan harga untuk menampung kos operasi dan pengangkutan.**

12. Tidak guna harga murah tetapi bekalan tiada di pasaran kerana pengeluar tidak mampu mengeluarkan pada harga yang dikehendaki pengguna. Ini yang telah berlaku kepada ayam dan telur di mana kita terpaksa mengimport dan akhirnya harga meningkat. Yang kita perlukan adalah *FAIR PRICE* atau Harga Munasabah/Adil di mana Pengeluar

mampu mengeluarkan bekalan yang mencukupi dan pengguna dapat membeli bekalan yang diperlukan. Justeru, menangani Kos sara hidup merupakan **agenda “Whole of Nation”** melibatkan semua **jentera kerajaan, pemain industri dan pengguna** . Kita harus melihat semula **dasar yang bersangkutan seperti kawalan harga, tempoh kawalan harga, kaedah dan penyaluran subsidi, pengimportan dan pengeksportan, kos pengeluaran dan pengangkutan yang perlu dilihat secara menyeluruh.**

13. Bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup di kalangan rakyat, Kementerian perlu mengatur inisiatif jangka pendek dan reformasi struktural dan sistemik jangka sederhana dan panjang. Bagi tahun 2023, saya akan memastikan Kementerian memberi prioriti kepada mencari penyelesaian dalam merungkai permasalahan kos sara hidup di samping melaksanakan **PROGRAM SUBSIDI BERSASAR BERPERINGKAT, mengkonsolidasikan semua bantuan yang diberikan yang lebih memberi manfaat kepada segmen masyarakat yang memerlukan di samping si penerima mengetahui dan mengapresiasi tujuan subsidi yang diberikan serta tidak disalahgunakan. Fokus kita adalah membantu golongan miskin tegar dan membuka peluang untuk rakyat meningkatkan pendapatan dan kuasa beli mereka.**

HALA TUJU 2023

Warga KPDN yang saya hormati,

14. Seperti yang pernah dinyatakan semasa saya mula-mula melaporkan diri sebagai Menteri di KPDN, saya akan kerap bersama

rakyat untuk mendapatkan *first-hand information* dan mengadakan libat urus dengan pemain industri dalam menentukan dasar dan pelan tindakan yang efektif agar penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat dapat diselesaikan secara tuntas dan segera.

15. Justeru, pendekatan turun padang ini akan menjadi agenda utama kita semua bagi mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh para pengguna serta peniaga. Data dan input yang diperolehi dari lapangan akan digunakan secara analitik dalam menggubal dasar yang lebih efektif dan mampan serta diterjemahkan dalam bentuk inisiatif dan program yang meningkatkan keupayaan ekosistem perdagangan domestik disamping berkongsi keberuntungannya dengan rakyat dalam aspek menurunkan kos sara hidup.

16. Melangkah ke tahun 2023, Saya ingin supaya Kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif sama ada penambahbaikan kepada program sedia ada mahupun program baharu yang lebih berdaya maju demi rakyat dan negara dengan melaksanakan strategi-strategi berikut:

- i. merencanakan ekonomi negara dengan menggalakkan pertumbuhan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju dan progresif;
- ii. menstabilkan kos sara hidup rakyat dengan melihat semula keperluan mengawal harga bagi tempoh berpanjangan yang boleh mengganggu ekosistem pengeluaran dan bekalan;
- iii. melindungi hak pengguna serta peniaga menerusi kerangka perundangan dan pendidikan;

- iv. menambah baik penguatkuasaan untuk menghapuskan ketirisan barangan kawalan serta bersubsidi dan memastikan kecukupan bekalan di pasaran; dan
- v. mewujudkan organisasi yang berbudaya cemerlang dan empati kepada *pain point* rakyat menerusi inisiatif pendigitalan serta penambahbaikan penyampaian perkhidmatan secara berterusan.

17. Saya juga akan memastikan agar Kementerian memberi fokus kepada peningkatan akses rakyat kepada barangan keperluan harian dengan harga munasabah/adil atau ***fair price*** supaya pengguna dapat menikmati penjimatan harga berbanding harga pasaran setempat dan seterusnya dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup tanpa mengganggu ekosistem pengeluaran dan pengedaran barang keperluan.

18. Kementerian akan terus melaksanakan skim harga maksimum musim perayaan (SHMMP) tetapi dengan tempoh yang lebih pendek, kawalan sepanjang masa ke atas barang-barang tertentu seperti gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak sawit tulen, minyak diesel/ Petrol RON 95, ayam dan telur ayam.

19. Bagi tahun 2023, saya juga akan fokus kepada program-program baharu seperti berikut:

- i. **INISIATIF BERJENAMA RAHMAH (KASIH SAYANG) atau PAYUNG RAHMAH** yang meliputi ‘**Bakul Rahmah**’, ‘**Jualan Rahmah**’, ‘**Kafe Rahmah**’ dan ‘**Pakej Rahmah**’ yang merupakan program bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan strategik KPND.

- ii. **INISIATIF BERJENAMA SURI** yang meliputi '**Rezeki Suri**' dan '**Aduan Suri**' bagi membantu golongan suri rumah menjana pendapatan dan mudah serta mempercepatkan suri rumah mengemukakan aduan kepada KPDN melalui *QR Code*.
- iii. Mengkaji pelaksanaan HARGA MUNASABAH/ADIL atau *FAIR PRICE* berdasarkan data-data harga daripada seluruh negara bagi menambah keanjalan di bahagian permintaan dalam usaha mengawal inflasi.
- iv. Saya telah mengarahkan Kementerian supaya mengkaji kebolehlaksanaan dan memperincikan '**Sistem Perlindungan Sosial Baharu**' yang komprehensif bagi membantu dalam pemberian subsidi secara lebih tepat, dan bersasar bagi memastikan kebolehmampuan rakyat berbelanja keperluan asas di samping kaedah bagi meningkatkan penjana pendapatan dan simpanan hari tua bagi kumpulan berpendapatan rendah secara bantuan bersyarat.

20. Saya juga ingin berkongsi satu lagi inisiatif Kementerian yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2023 iaitu Tabung Amanah Pembangunan Peruncitan Bumiputera (APB). Ianya ditubuhkan selaras dengan penambahbaikan syarat milikan 30% ekuiti bumiputera di bawah format pasaraya besar (hypermarket) dalam Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran 2020 (GP 2020)

21. Inisiatif ini merupakan pemudahcara dan alternatif kepada pasaraya asing yang gagal memenuhi syarat 30% ekuiti Bumiputera untuk terus beroperasi di Malaysia dengan menggantikan ekuiti Bumiputera tersebut melalui sumbangan kepada APB.

22. Dana sumbangan yang diterima dari APB ini seterusnya akan digunakan semula untuk membangunkan ekonomi Bumiputera secara lebih holistik melalui pembangunan kapasiti dan latihan, pembelian aset strategik, peningkatan pendigitalan dan teknologi, promosi barangan tempatan serta bimbingan kepada usahawan Bumiputera.

Warga KPDN yang saya hormati,

23. Penguatkuasaan adalah entiti yang penting bagi KPDN yang perlu dilengkapi dengan aset yang perlu untuk mempergiatkan usaha membanteras penyelewengan terutamanya barang kawalan bersubsidi. Penguatkuasaan tegas tetapi berhemah akan diteruskan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan Akta Barang Kawalan 1961 terhadap aktiviti penyorokan, pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga.

24. Kementerian juga akan meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.

25. Bahagian Penguatkuasa KPDN juga akan memperkenalkan satu pendekatan baru iaitu Penguatkuasaan Berimbang (Balanced

Enforcement) di tahun 2023. Antara komponen penting dalam konsep ini termasuklah menilai semula kadar kompaun yang dikenakan terhadap peniaga-peniaga kecil yang telah melakukan kesalahan-kesalahan kecil untuk kali pertama secara tidak sengaja/sedar. Walau bagaimana pun, tindakan tegas tanpa kompromi akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang sengaja melanggar undang-undang.

Warga KPDN yang saya hormati,

26. Kementerian akan memberi tumpuan kepada pembangunan data komprehensif, tepat dan berintegriti supaya dapat membantu dalam membuat keputusan, menggubal dasar dan perundangan yang tepat dan seterusnya melaksanakan program/inisiatif secara efektif dan bersasar. Saya yakin data yang telah terkumpul di Kementerian ini dapat ditingkatkan kearah pembangunan repositori data raya sektor peruncitan nasional yang lengkap yang kemudiannya boleh digunakan secara bersepadu atau *cross-reference* dengan data-data di agensi lain seperti DOSM.

27. Di samping itu, dalam menggalas amanah menerajui Kementerian ini, saya mengambil pendekatan terbuka dan akan sentiasa menjalankan libat urus dengan kumpulan sasaran dan pihak-pihak berkepentingan supaya tiada yang tercicir dalam menyelesaikan masalah rakyat.

Warga KPDN yang saya hormati,

28. Berdasarkan Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LTPF) mencatatkan Nilai Jualan Industri Francais yang terbesar setakat ini iaitu sebanyak RM 26 billion berbanding RM 14 billion pada tahun 2020, meningkat sebanyak 71% pada tahun 2021. Kerajaan mensasarkan

industri francais akan berkembang antara 20-30 peratus pada tahun 2023. Kerajaan yakin industri francais akan menjadai salah satu sektor utama yang memberi impak yang tinggi bukan sahaja dari segi pembangunan keusahawanan, tetapi turut menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memberi nilai tambah kepada pengguna,

29. Di samping itu, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *World Federation of Direct Selling Association (WFDSA)*, Malaysia menduduki tangga ke-4 dunia dan ke-6 di rantau Asia Pasifik pada tahun 2020 dengan nilai jualan tahunan sebanyak RM24.5 bilion. Bagi tahun 2021, catatan nilai jualan industri jualan langsung adalah hampir RM26 bilion. Ini jelas menunjukkan industri jualan langsung mampu mencatatkan pertumbuhan yang lebih memberangsangkan hingga berkembang menjadi satu industri besar, seterusnya menyumbang kepada ekonomi domestik Negara menjelang tahun 2030 dengan sasaran nilai jualan sebanyak RM30 bilion.

30. Kementerian akan mempertingkatkan aktiviti dan program pembangunan usahawan untuk menggalakkan lebih ramai usahawan menceburi bidang perniagaan francais dan jualan langsung terutama di kalangan bumiputera dengan tumpuan kepada golongan B40 dan M40.

31. Kita telah melaksanakan Kempen Beli Barangan Malaysia saban tahun sejak 2009. Tahun ini saya ingin ianya dipertingkatkan menjadi satu *showcase* dalam skala besar yang menjadi tempat tumpuan pengeluar dan penguasaha barangan tempatan memperagakan produk mereka dari makanan kepada fesyen, batik, kenderaan, perabot, barang keperluan rumah dan alat sukan. Ia juga akan menjadi tumpuan pengeksport luar negara untuk melakukan *business matching* antara usahawan tempatan

dengan rakan perniagaan mereka dari luar negara untuk mengeksport produk kita. Ini saya namakan Karnival Barangan Malaysia atau satu nama yang lebih menarik dan komersil yang tuan-puan boleh cadangkan. Saya mahu projek ini disertai oleh Kementerian Pelancongan, MITI melalui MATRADE, KUSKOP dan Kementerian Luar Negara bagi memastikan kita mendapat optic dan penyertaan dari pengusaha dan pelancong luar negara.

32. Masalah ketirisan minyak petrol RON95 & diesel bersubsidi yang berlaku terutama di negeri-negeri yang berhampiran negeri sempadan dipandang serius oleh Kementerian. Subsidi minyak tersebut yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat Malaysia didapati turut dinikmati oleh warganegara lain dan perkara ini tidak sewajarnya berlaku.

33. Bagi mengatasi isu tersebut dan menambah nilai ekonomi di kawasan sempadan, Kementerian akan memperkenalkan **"Ekonomi Sempadan - Pembekalan Petrol RON95 & Diesel Tanpa Subsidi"** yang antara lain hanya membenarkan pembelian minyak petrol serta diesel tanpa subsidi oleh kenderaan berpendaftaran asing di negeri yang bersempadan dengan negara jiran.

Warga KPDN yang saya hormati,

34. Pembaharuan dalam persekitaran ekonomi, sama ada di dalam negara, serantau atau antarabangsa telah banyak mengubah strategi-strategi dan pendekatan pelbagai ekonomi antaranya bidang perniagaan dan perdagangan. Harta intelek merupakan aset yang mempunyai fungsi sama seperti harta ketara iaitu boleh diperdagangkan atau dilesenkan dengan nilai yang tinggi.

35. Melalui pendaftaran harta intelek di bawah undang-undang berkaitan, pemiliknya akan mendapat hak eksklusif untuk mengawal dan mengeksploitasi harta intelek mereka. Ini termasuklah hak untuk membuat, menggunakan, menjual dan mengimport. Selain itu, mereka juga boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak lain yang menggunakan harta intelek tersebut tanpa kebenaran pemunya sebenar.

36. Kerajaan melalui MyIPO akan sentiasa menyokong usaha-usaha untuk meminimumkan kesan terhadap ekonomi terutamanya usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Bagi membantu meringankan beban pihak-pihak yang terkesan dengan pandemik ini, khususnya pemilik IP, pelbagai program dan inisiatif seperti bimbingan termasuk pemberian dana berjumlah RM1 juta bagi pemfailan harta intelek akan diteruskan pada tahun ini.

37. Ekonomi GIG adalah salah satu sektor yang akan diberikan perhatian di tahun 2023 oleh KPDN terutama dari aspek penghasilan, pelbagai caj yang dikenakan dan kesejahteraan mereka yang terlibat.

38. Kesemua hala tuju ini akan diperincikan dalam bentuk program dan inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun 2023.

MEREKAYASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN & PENDIGITALAN

39. Dalam dunia yang serba canggih kini, aspek pendigitalan bukan lagi satu perkara yang asing. Sebagai salah satu Kementerian *frontliner* yang banyak terlibat dengan rakyat, sama ada peniaga mahupun pengguna, adalah menjadi keperluan supaya penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan pantas mengoptimalkan penggunaan teknologi terutama ICT, Analitik Data, Artificial Intelligence dan Metaverse.

40. KPDN akan sentiasa berusaha untuk mengadaptasi teknologi dalam kerangka IR4.0 untuk meningkatkan capaian dan akses rakyat kepada perkhidmatan yang ditawarkan. Aplikasi mobil dan sistem automasi yang sudah dibangunkan oleh KPDN seperti Price Catcher, My Sales Tracker, Enforcement Command Centre, EZ Adu harus sentiasa dikaji dan ditambahbaik dari segi kelajuan, kapasiti, pencapaian dan mudah digunakan (ease of use) agar ianya menjadi teman rapat pengguna untuk menggunakannya pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada.

41. Sebagai contoh, saya merasa terdapat keperluan bagi memperkasakan sistem aduan KPDN di semua salauran aduan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan dan maklum balas. Inisiatif ini adalah penting agar aduan yang diterima daripada orang ramai dapat ditangani dalam tempoh yang pantas disamping mempercepatkan tindakan oleh pihak KPDN.

42. Selain daripada adaptasi teknologi bagi memenuhi keperluan rakyat, industri juga perlu bersedia dalam menghadapi kesenjangan digital yang semakin meluas di peringkat global. Sehubungan itu, saya akan menggalakkan Kementerian ini untuk menjuarai inisiatif digitalisasi dan automasi dalam proses perniagaan bagi sektor peruncitan bagi menambahbaik perniagaan mereka agar dapat meningkatkan keberkesanan operasi, mengurangkan kos operasi yang akhirnya akan mengurangkan harga yang harus dibayar oleh pengguna di samping meningkatkan pengalaman pelanggan dalam sektor tersebut.

PERUBAHAN MINDSET

43. Apa yang kita buat dan lakukan terutama untuk rakyat, tidak mempunyai erti jika kita tidak war-warkan dan berkongsi untuk mendapat sokongan atau *buy-in* dari rakyat. Justeru, komunikasi strategik harus diperhebatkan secara berterusan di semua peringkat dengan naratif yang tepat di semua platform dan saluran agar rakyat dapat memahami dan menyokong usaha kita itu. Saya menyeru kepada Sektor Pendayaupayaan Pengguna KPDM supaya berganding bahu dengan Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Menteri, MPPN dan semua Persatuan Pengguna untuk merencanakan advokasi di kalangan rakyat terutama dalam merakyatkan dasar dan polisi Kementerian, memasarkan inisiatif dan program Kementerian agar jenama Kementerian sentiasa segar dan positif dan yang terpenting menjadikan rakyat Malaysia sebagai pengguna bijak, rasional dan berdaya-upaya.

44. Banyak perubahan *mindset* harus kita lakukan; dalaman iaitu di kalangan organisasi dan pegawai Kementerian dan luaran iaitu di kalangan peniaga dan pengguna. Pembaharuan dan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan perlu dilaksanakan secara berterusan agar Kementerian dapat menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang dan konsisten kepada rakyat selaras dengan keperluan dan ekspektasi masa kini dan hadapan.

45. Untuk itu, saya menyeru setiap warga Kementerian agar melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran media baharu supaya dapat meningkatkan produktiviti ke arah mewujudkan Kementerian yang kalis masa hadapan. Saya juga menyeru seluruh warga Kementerian untuk bersama-sama menyertai dalam menyokong

usaha Kementerian dengan **like dan share** apa yang dimuatnaik di page Kementerian iaitu KPDN Laman Rasmi dan Page KPDN Negeri. Dengan itu apa yang kita laksanakan akan menjadi gagasan yang hidup yang mendapat empati dan sokongan dari rakyat.

MISI BANTUAN KEMANUSIAN

46. Kementerian juga prihatin dengan situasi semasa yang melanda negara. Saya merasa amat sedih dan bersimpati dengan keluarga mangsa yang terjejas teruk dengan kejadian tanah runtuh yang telah berlaku di tapak perkhemahan Batang Kali, Selangor dan juga mangsa banjir di beberapa negeri. Saya menyeru agar usaha ke arah pemulihan dan persiapan diri dengan ilmu menghadapi risiko bencana alam dipergiatkan. Kita hendaklah sentiasa bersedia dan cakna dengan sebarang informasi, agar dapat mengambil langkah segera dari aspek keselamatan diri, keluarga dan harta benda, supaya berada dalam keadaan selamat.

47. Saya juga menghargai dengan tindakan segera Kementerian dalam penyaluran bakul makanan kepada yang memerlukan pada masa-masa genting tersebut. Saya ambil kesempatan ini juga untuk merakamkan penghargaan kepada **8 Rakan Strategik Utama** serta **48 penyumbang yang aktif** di bawah program food bank Malaysia. Saya amat berharap usaha-usaha sebegini akan diteruskan pada masa akan datang dalam menjaga kebajikan rakyat pada setiap masa.

TAWARAN KPDN TAHUN 2023

48. Sempena Amanat saya di tahun baharu 2023, saya ingin mengumumkan beberapa tawaran seperti berikut:

- a. Kelulusan Permohonan Pendaftaran Aktiviti Perniagaan Syarikat dalam sistem mySAFE dari 4 hari bekerja kepada 3 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima;
- b. Mengemukakan maklum balas akuan penerimaan aduan dari 1 hari bekerja kepada 2 jam setelah menerima aduan yang lengkap;
- c. Mengemukakan maklum balas terhadap aduan lengkap yang diterima dalam tempuh 14 hari bekerja berbanding 21 hari bekerja sebelum ini;
- d. Memproses permohonan baharu / pembaharuan / pindaan kebenaran PDA / Lesen CSA bagi Stesen Minyak dalam masa 7 hari bekerja setelah menerima dokumen yang lengkap;
- e. Memproses permohonan baharu / pembaharuan / pindaan kebenaran PDA2 (Bunkering), PDA3 (Pengangkutan) dan PDA4 (Memasar dan mengedar secara borong bahan petroleum) dalam masa 7 hari bekerja setelah menerima dokumen yang lengkap;
- f. SSM akan meneruskan pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun bagi kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 2016; dan
- g. SSM akan memberi pengurangan kompaun sebanyak 90% dari nilai asal kompaun ke atas syarikat yang berstatus “dissolved” di bawah Akta Syarikat 1965.

PENUTUP

Warga KPDN yang saya hormati,

49. Sebagai Kementerian yang mengawal selia ekonomi domestik serta kos sara hidup, tanggungjawab memastikan ekonomi negara terus berdaya maju, progresif dan mampan terpikul di bahu kita.

50. Cabaran dan dugaan yang bakal kita hadapi akan kita jadikan pemangkin atau *guiding light* untuk kita terus maju dan mengecapi kejayaan. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan cemerlang.

51. Sebelum mengakhirkan ucapan, saya berdoa semoga tahun 2023 membuka luas harapan kita untuk merealisasikan aspirasi negara bagi meningkatkan kesejahteraan, kesatuan dan kemakmuran rakyat.

52. Akhir kata, saya menyeru kepada semua agar kita bergerak sebagai satu pasukan KPDN yang mantap, berintegriti dan dinamik dalam menjayakan aspirasi negara ke arah Malaysia yang sejahtera, makmur dan bersatu. Semoga Allah SWT mempermudah semua perancangan yang kita atur dan dijauhkan dari segala halangan dalam melaksanakan perancangan tersebut.

“KPDN PEDULI, KPDN BERJAYA”

Sekian. *Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamuálaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.* Terima Kasih.